

Dr. M terima tawaran

UM 30 NOV 2003

ROM 29 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menjadi Penasihat Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA).

Bekas Perdana Menteri turut mengesahkan yang beliau telah menerima tawaran Petronas untuk menjadi penasihat syarikat minyak global itu.

“Saya sudah terima (tawaran sebagai Penasihat Petronas).

“Selain itu, saya pun diberi tawaran menjadi Penasihat Lada dan (Lembaga) Pembangunan Tioman. Saya terima,” katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri jamuan makan malam di kediaman Duta Malaysia ke Itali, Datuk Lily Zachariah di sini, malam tadi.

Ketika memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir telah memberikan perhatian khusus ke atas pembangunan Pulau Langkawi.

jadi penasihat Lada, TDA

Malah ketika di bawah kepimpinannya juga Pulau Tioman diumumkan sebagai pulau bebas cukai.

Mingguan Malaysia difahamkan Dr. Mahathir akan memulakan tugas sebagai Penasihat Petronas mulai 1 Disember ini.

Kelmarin, Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dalam sidang akhbar memberitahu yang Dr. Mahathir telah dilantik sebagai penasihat syarikat itu.

Kata beliau, Dr. Mahathir telah menyatakan persetujuannya untuk menerima jawatan tersebut sebelum ini tetapi belum menerima surat tawaran bagi jawatan itu.

Sesuai dengan kedudukan bekas Perdana Menteri itu sebagai Penasihat Petronas, katanya, sebuah pejabat akan disediakan untuk kemudahan beliau menjalankan tugasnya. — *Mingguan Malaysia*